



## Kenyataan Media

**CYBERJAYA**

**23 Mac 2023**

### **MCMC MENYOKONG PELAKSANAAN INISIATIF MELAKA E-TUNAI DI BAZAR RAMADAN DAN BAZAR AIDILFITRI NEGERI MELAKA 2023**

Seiring dengan aspirasi Malaysia untuk menjadi sebuah negara yang berpacuan pendigitalan dan sebagai peneraju serantau dalam ekonomi digital, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) akan terus menyokong segala usaha untuk meningkatkan penerimaan teknologi digital yang meluas dalam kalangan rakyat. Bagi mencapai hasrat tersebut, MCMC telah bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka dalam meluaskan kesedaran dan meningkatkan penggunaan e-Tunai di negeri Melaka menerusi inisiatif ‘Melaka e-Tunai’ di Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri.

Inisiatif Melaka e-Tunai Bazar Ramadan Dan Bazar Aidilfitri ini adalah antara kempen promosi dan kesedaran yang dibangunkan dengan kerjasama Unit Kerajaan Tempatan (UKT) Jabatan Ketua Menteri Melaka, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup Negeri Melaka (KPDN Melaka) dan penyedia perkhidmatan kewangan (FSPs) dan platform digital bagi memacu peralihan kepada pembayaran tanpa tunai di kalangan masyarakat.

Pada masa yang sama, MCMC kini sedang bekerjasama dengan rakan strategik seperti Payments Network Malaysia Sdn Bhd (PayNet) dan FSPs termasuk TNG Digital Sdn Bhd, Axiata Digital Ecode Sdn Bhd (Boost), Maybank dan Delivery Hero Malaysia Sdn Bhd (Foodpanda), bagi menawarkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan digital mereka di Melaka.

Menerusi kempen ini, peniaga tempatan digalakkan untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan FSPs atau penyedia platform digital bagi memudahkan proses pembayaran secara tanpa tunai ataupun *cashless*. Pada masa yang sama, peniaga juga dapat menikmati insentif serta pelbagai tawaran istimewa yang khas disediakan menerusi inisiatif Melaka e-Tunai.

Selain itu, pelanggan atau pengunjung Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri juga boleh berbelanja dan menikmati pelbagai tawaran istimewa dan insentif khas termasuk *cash back* melalui aplikasi e-dompet TnG, Boost, Maybank dan penghantaran makanan Foodpanda sepanjang kempen promosi dan kesedaran ini.

Penggunaan perkhidmatan FSPs atau penyedia platform digital ini adalah antara pemangkin utama dalam memupuk budaya pembayaran tanpa tunai dalam kalangan masyarakat yang akan memacu transformasi digital serta negara serta membolehkan Malaysia mencapai pembangunan ekonomi digital yang mampan. Segala usaha dan inisiatif ini dilaksanakan demi memastikan kesejahteraan rakyat terjamin, sekali gus merealisasikan Dekad Keemasan Ekonomi Digital.



### Sekitar Taklimat Penganjuran Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri Negeri Melaka Tahun 2023 di Dewan Taming Sari, MBMB, Melaka

## JABATAN KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission**  
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA  
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)



Suruhanjaya Komunikasi  
Dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



SKMM\_MCMC



MCMCTV